

13 DEC 2002

MAHATHIR-FTA/I

M'SIA, JEPUN AKAN MENTERAI FTA DENGAN PERJANNJIAN TAHUN DEPAN

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

TOKYO, 13 Dis (Bernama) -- Malaysia dan Jepun dijangka memeterai perjanjian dua hala mengenai perdagangan bebas dan bidang-bidang lain yang berkepentingan yang termasuk kerjasama kebudayaan tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata Malaysia telah menyediakan dokumen-dokumen mengenai ideanya sendiri tentang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dan ia akan dikemukakan kepada kerajaan Jepun.

"Ia akan merupakan perjanjian perkongsian mengenai FTA dan bidang-bidang lain malahan kebudayaan," beliau memberitahu persidangan media bagi para wartawan Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir mengakhiri lawatan dua hari beliau ke Jepun hari ini setelah tiba di sini pagi semalam.

Lawatan itu berkebetulan dengan ulangtahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur Jepun-Malaysia.

Ditanya mengenai sebab-sebab untuk mempunyai FTA dengan Jepun, Perdana Menteri berkata: "Jepun mempunya FTA dengan Singapura, dengan Thailand dan saya fikir kita juga patut ada FTA dengannya."

Jepun menanda tangani Perjanjian Perkongsian Ekonomi (EPA) dengan Singapura awal tahun ini, yang berkuat kuasa lewat bulan leaps.

Perjanjian berusia dua minggu itu, meliputi kira-kira 17 bidang kerjasama termasuk liberalisasi dagangan, mempermudah pelaburan, standatd dan pematuhan mobiliti buruh dan sains dan teknologi.

Awal hari ini pengarah Akhbar Antarabangsa Kementerian Hal Ehwa Luar Jepun, Jiro Okuyama, memberitahu Bernama bahawa Jepun juga berunding dengan Mexico dan Korea Selatan mengenai perjanjian campur FTA.

Jepun malahan telah memulakan perundingan penuh dengan Mexico mengenai perkara itu pada 18 Nov, katanya.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai bagaimana Malaysia akan menangani pengeluaran kereta tempatan, jika Jepun tidak mahu negara meletakkan syarat ke atas pengeluaran itu di dalam FTA.

"Itulah sebabnya, dengan Jepun, mereka mengujudkan perjanjian dua hala, kerana setiap negara adalah berbeza, misalnya Thailand adalah pengeksport beras dan itu menghadapkan sedikit masalah bagi Jepun, sedangkan Malaysia adalah pengeluar kereta, jadi Jepun menghadapkan sedikit masalah kepada kita, jadi kita terpaksa menyelesaikan secara terperinci apa yang kita boleh beri dan apa yang kita harapkan daripada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak akan mempunyai banyak masalah dalam pertanian di bawah cadangan perjanjian dua hala dengan Jepun kerana ia tidak mengeluarkan apa yang Jepun keluarkan dalam sektor itu.

Malaysia, katanya akan juga mempunyai FTA dengan China tetapi ia akan berasaskan Asean-China, sebagai satu kumpulan.

Mengenai pertemuannya dengan rakan sejawat Jepun beliau, Junichiro Koizumi semalam, katanya perbincangan termasuk bantuan Jepun dalam pembiayaan beberapa projek infrastruktur Malaysia, penubuhan Universiti Teknikal Jepun di Malaysia dan FTA campur.

Dr Mahathir menyifatkan lawatan dua harinya ke Jepun sebagai amat berguna, kerana ia juga membolehkan beliau menemui tokoh-tokoh perniagaan Jepun pagi ini, khususnya mereka yang menunjukkan minat terhadap Malaysia.

"Kita telah cuba meyakinkan mereka bahawa adalah masih berbaloi untuk melabur di Malaysia dan bukan semata-mata di China," katanya.

Para peniaga Jepun, katanya, adalah agak berminat untuk melabur di

Malaysia kerana pengalaman mereka di Malaysia adalah amat baik selama ini.

"Mereka amat selesa di Malaysia, sungguhpun China mempunyai daya tarikan tertentu, Malaysia mempunyai kualiti-kualitina sendiri yang unik," katanya.

Perdana Menteri berkata para pelabur Jepun berminat terhadap mengkaji bidang-bidang istimewa sampingan tertentu (niche) - lebih kepada industri-industri teknologi tinggi dan berasaskan pengetahuan bagi Malaysia.

Dr Mahathir, yang melawat Disney Sea di Chiba, di selatan sini, pagi ini berkata adalah baik untuk melihat taman tema itu yang merupakan satu konsep yang menarik, yang tidak dilihat di mana-mana tempat lain di dunia.

-- BERNAMA

AFY KTC OS